

Kerelevanan Mahkamah Anak Negeri Sabah: Suatu Analisis Perundangan

(The Relevance of Sabah Native Courts: A Legal Analysis)

NORAISSYA RENA
NUR KHALIDAH DAHLAN

ABSTRAK

Mahkamah Anak Negeri Sabah adalah sebuah institusi perundangan yang penting dalam menguruskan hal ehwal bumiputera berdasarkan undang-undang adat. Institusi ini diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan dan memainkan peranan signifikan dalam aspek perundangan, sosial, dan budaya masyarakat pribumi Sabah. Mahkamah ini menyediakan platform yang sesuai untuk menyelesaikan pertikaian adat, menawarkan penyelesaian yang lebih selaras dengan nilai-nilai komuniti setempat, dan membantu memelihara hak-hak tradisional masyarakat pribumi. Dari aspek sosial, mahkamah ini membantu mengurangkan ketegangan dan konflik dalam komuniti melalui penyelesaian pertikaian secara damai dan berasaskan adat. Dari sudut budaya, ia berperanan dalam memelihara dan mengekalkan tradisi serta amalan budaya etnik Sabah. Walau bagaimanapun, Mahkamah Anak Negeri Sabah menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kekurangan sumber, kurangnya dokumentasi formal undang-undang adat, dan percanggahan bidang kuasa dengan Mahkamah Sivill dan Mahkamah Syariah. Isu kelayakan dan kredibiliti hakim serta pentadbir mahkamah turut menimbulkan kritikan. Untuk terus relevan, Mahkamah Anak Negeri Sabah perlu melakukan pembaharuan struktur dan pentadbiran, penyelarasan undang-undang, dan peningkatan dalam pemilihan ahli-ahli penting. Secara keseluruhannya, Mahkamah Anak Negeri Sabah masih relevan pada masa kini, memainkan peranan penting dalam memelihara undang-undang adat, menyelesaikan pertikaian secara damai, dan mengekalkan warisan budaya etnik Sabah. Keupayaan mahkamah ini untuk terus relevan bergantung kepada adaptasinya terhadap perubahan sosial dan undang-undang serta komitmennya dalam mempertahankan prinsip-prinsip asas adat yang menjadi tunjang kepada identiti budaya masyarakat pribumi Sabah.

Kata kunci: Mahkamah Anak Negeri, Sistem Mahkamah Anak Negeri, Anak Negeri Sabah, Undang-undang Adat Anak Negeri.

ABSTRACT

The Sabah Native Court is a key legal institution for managing bumiputera matters based on customary law. Recognized by the Federal Constitution, it plays a vital role in the legal, social, and cultural domains of Sabah's indigenous communities. The court provides a suitable platform for resolving customary disputes in ways that align with local values and safeguard indigenous rights. Socially, it helps alleviate tension and conflict through peaceful, custom-based resolutions, while culturally, it preserves Sabah's ethnic traditions and practices. However, the court faces challenges such as limited resources, inadequate formal documentation of customary law, and jurisdictional issues with the Civil and Syariah Courts. Concerns also exist about the qualifications and credibility of judges and court officials. To maintain its relevance, the Sabah Native Court must undergo structural and administrative reforms, legal integration, and improvements in the selection of key personnel. Despite these challenges, the court remains crucial in preserving customary law, promoting peaceful dispute resolution, and safeguarding the cultural heritage of Sabah's indigenous people. Its continued relevance depends on adapting to social and legal changes while upholding the core customs that define the cultural identity of Sabah's indigenous communities.

Keywords: Native Court, Native Court System, Sabah Native, Native Customary Law.

PENGENALAN

Mahkamah Anak Negeri merupakan salah satu daripada institusi perundangan yang terdapat di Malaysia. Mahkamah Anak Negeri terdapat di Negeri Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun, artikel ini akan memfokuskan Mahkamah Anak Negeri Sabah sahaja. Mahkamah Anak Negeri berperanan untuk menguruskan hal ehwal bumiputera berdasarkan undang-undang adat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, adat bermaksud peraturan yang sudah diamalkan sejak dahulu kala atau turun-temurun dalam suatu masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Anak negeri pula ditakrifkan dalam seksyen 2 (1) Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri) 1952 sebagai mana-mana orang yang kedua-dua ibu bapanya merupakan masyarakat pribumi atau komuniti asal negeri Sabah atau mana-mana orang yang hidup sebagai anggota komuniti asal dan berketurunan sekurang-kurangnya salah seorang ibu bapanya atau nenek moyang berasal daripada masyarakat peribumi atau mana-mana orang yang biasanya menetap di Sabah dan merupakan anggota Suluk, Kagayan, Simonol, Sibutu atau Ubian atau orang-orang yang berasal dari negeri Sarawak atau negara Brunei dan akhir sekali, mana-mana individu yang merupakan ahli kepada mana-mana kumpulan atau anggota masyarakat pribumi Republik Indonesia atau kumpulan pulau Sulu di Kepulauan Filipina atau negeri-negeri Malaya atau Republik Singapura yang telah hidup sebagaimana dan seorang anggota komuniti asal untuk jangka masa berterusan selama cukup lima tahun sebelum tarikh tuntutan sebagai orang asal, mempunyai watak yang baik sepanjang tempoh itu dan yang tinggal di Sabah tidak terhad di bawah mana-mana peruntukan Akta Imigresen 1959/63.¹

Anak Negeri juga dapat dilihat takrifannya dalam Perlembagaan Negeri Sabah, iaitu dalam Perkara 41 (10) yang

menyatakan bahawa “Anak Negeri” merujuk seseorang yang merupakan warganegara, ialah anak atau cucu atau seseorang yang berasal dari negeri ini, dan dilahirkan (sama ada pada atau selepas hari Malaysia atau tidak) sama ada di dalam negeri atau kepada seorang bapa yang bermastautin di negeri pada masa kelahiran.² Perlembagaan Persekutuan Malaysia melalui Perkara 161A (6)(b) pula memperuntukkan bahawa anak negeri yang berhubungan dengan Sabah ialah seseorang yang merupakan warganegara, iaitu anak atau cucu kepada seorang daripada suatu ras asli bagi Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahiran itu.³

Sejarah Mahkamah Anak Negeri (MAN) bermula pada tahun 1884 apabila MAN yang pertama di Sabah ditubuhkan di Putatan, Sabah. Kemudian, British North Borneo Chartered Company (BNBCC) secara rasmi telah menubuhkan MAN di semua daerah di Borneo Utara. Pada ketika itu, BNBCC telah bertindak untuk menubuhkan beberapa bahagian sistem perundangan konvensional dalam MAN. Walau bagaimanapun, semasa pendudukan Jepun dari tahun 1942 hingga tahun 1945, fungsi MAN menjadi sedikit terganggu. Selepas pendudukan British semula, barulah peranan MAN dihidupkan semula. Pada masa itu, fungsi MAN dihidupkan semula, dan ia menjadi lebih teratur apabila Ordinan Mahkamah Anak Negeri dibuat pada tahun 1953.⁴

MAN kekal sebagai institusi perundangan Sabah walaupun selepas Sabah mendapat kemerdekaan dan selepas Malaysia ditubuhkan. Antara fungsi MAN termasuk menangani tuntutan harta pusaka dan harta kecil bagi anak negeri yang bukan beragama Islam, seperti yang ditetapkan dalam Ordinan Pentadbiran Harta Pusaka dan Harta Kecil 1941. Secara amnya, di negeri Sabah, terdapat tiga sistem perundangan, iaitu sistem perundangan

sivil, sistem perundangan syariah dan sistem perundangan Anak Negeri Sabah.

MAN ditubuhkan di bawah Bahagian II yang meliputi seksyen 3, seksyen 4 dan seksyen 5 Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992. Di bawah peruntukan tersebut, Yang di-Pertua Negeri Sabah diberi kuasa untuk menubuhkan MAN di mana-mana tempat yang dianggap sesuai, serta boleh mewartakan wilayah bidang kuasa MAN tersebut. Perlembagaan Persekutuan membenarkan Sabah dan Sarawak untuk meneruskan pelaksanaan undang-undang adat anak negeri, termasuk penubuhan MAN. Hal ini memberikan perlindungan kepada kewujudan MAN. Di Sabah, MAN terdiri yang diketuai oleh seorang Ketua Daerah, yang juga bertindak sebagai ketua hakim, dan diapit oleh dua Ketua Anak Negeri (KAN). Mahkamah Anak Negeri Daerah diketuai oleh Pegawai Daerah, Mayor, atau Presiden, dan dua Ketua Daerah atau KAN membantunya. Mahkamah Rayuan Anak Negeri diketuai oleh seorang hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, dan diaapit atau dibantu oleh dua orang ketua daerah atau KAN.

Selepas mencapai kemerdekaan, Kerajaan Negeri Sabah telah menubuhkan Unit Hal Ehwal Bumiputera Sabah untuk menguruskan adat istiadat, pertikaian dan pentadbiran yang diawasi oleh MAN. Pada tahun 1999, unit ini telah dinaik taraf dan diubah menjadi Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Enakmen Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah 1998. Objektif utama Majlis ini adalah untuk menasihati Kerajaan Negeri mengenai isu-isu yang berkaitan dengan sistem undang-undang peribadi dan adat anak negeri di Sabah, meneliti pelbagai adat anak negeri, dan menyemak dari semasa ke semasa undang-undang adat anak negeri Sabah. Majlis ini terdiri daripada seorang Presiden, Setiausaha Negeri, Peguam Besar Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, seorang Setiausaha, dan enam ahli lain yang

mempunyai pengetahuan khusus mengenai undang-undang adat dan adat istiadat anak negeri Sabah.

Selain itu, sebuah sekretariat yang dikenali sebagai Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah telah ditubuhkan untuk menyokong Majlis dalam menguruskan hal ehwal anak negeri dalam negeri. Semua badan yang mengawal undang-undang adat anak negeri—Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, dan MAN—diletakkan di bawah kawalan langsung Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Sementara itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri bertanggungjawab untuk melantik ketua kampung, Ketua Anak Negeri, dan Ketua Daerah. Namun, pelantikan pegawai MAN sering kali dibuat berdasarkan cadangan Ahli Dewan Undangan Negeri, tanpa adanya institusi untuk mengesahkan kelayakan atau menilai kompetensi calon bagi jawatan pentadbiran tersebut. Akibatnya, terdapat kekurangan kejelasan tentang badan berkuasa yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran MAN di Sabah.

Sumber undang-undang adat anak negeri terdiri daripada statut, ordinan, pengisytiharan, enakmen dan peraturan yang menggabungkan dan menerapkan adat-adat asli; koleksi bertulis undang-undang anak negeri yang dikenali sebagai kod, kes mahkamah lampau dan tradisi lisan yang tidak direkodkan. Walau bagaimanapun, sama ada terdapat apa-apa hierarki kepada sumber undang-undang adat anak negeri di Sabah masih tidak diketahui. Pada masa ini, kes yang dibicarakan di MAN bermula pada peringkat kampung. Jika individu berasakan bahawa dia mempunyai tuntutan yang adil atau bahawa dia telah dcederakan di bawah amalan undang-undang adat, dia biasanya membawa rungutannya kepada ketua kampung. Jika salah seorang atau kedua-duanya daripada pihak yang tidak berpuas hati dengan ketetapan oleh penghulu, maka isu tersebut akan dibawa ke MAN. Bidang kuasa Majlis Hal Ehwal

Anak Negeri dalam seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 meliputi kes pelanggaran undang-undang adat, undang-undang agama, perkahwinan, seksual, pertunangan, perceraian, pengambilan anak angkat, penjagaan anak, nafkah, hadiah, dan perwarisan. Seksyen 9 pula menyatakan bahawa MAN tidak mempunyai kuasa dalam perkara di bawah bidang kuasa mahkamah syariah atau mahkamah sivil. MAN boleh mengenakan denda dan hukuman pemenjaraan dengan syarat tidak melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang persekutuan dan hukuman pemenjaraan perlu disahkan oleh Majistret.⁵

Sumber undang-undang adat Sabah termasuk undang-undang bertulis, kod adat, keputusan mahkamah, dan tradisi lisan. Sebelum Enakmen 1992, undang-undang adat ditemukan dalam undang-undang rasmi yang berkaitan dengan tanah dan pentadbiran adat. Proclamation XIV of 1903, Proclamation V of 1913, Native Administration Ordinance of 1937, Ordinan Mahkamah Anak Negeri 1953, dan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 mengiktiraf undang-undang adat kaum peribumi Sabah. Pada awal tahun 1900-an, undang-undang adat peribumi disampaikan secara lisan. Pada tahun 1920-an, pegawai daerah mencatatkan kesalahan dan hukuman dengan bantuan ketua adat. G.C.

Woolley mengumpulkan kod adat Sabah pada tahun 1930. Keputusan mahkamah direkodkan sebagai rujukan dengan koleksi “Cases on Native Customary Law (1953-1972)” diterbitkan pada tahun 1973. Sabah Law Association telah menghasilkan “Laporan Undang-undang Mahkamah Rayuan Anak Negeri Sabah 1989-2009.” Adat peribumi yang diwarisi secara lisan dimasukkan dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995. Walaupun tidak merujuk mana-mana suku kaum secara khusus, adat dalam Kaedah-kaedah ini cenderung kepada adat masyarakat Kadazan-Dusun.⁶

Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Negeri) 1995 menetapkan jenis-jenis hukuman di bawah bidang kuasa MAN. Kaedah 1995 ini terdiri daripada sembilan bahagian yang menyenaraikan 50 jenis kesalahan dan hukuman termasuk serangan, hentaman, kelakuan mengancam, kesalahan seksual, perkahwinan, pertunangan dan pikatan, tanah perkuburan dan kematian, perangai buruk melampau, kelucahan dan khianat, mungkir janji, serta kelahiran dan pantang adat. Hukuman yang boleh dikenakan oleh MAN termasuk denda, denda adat, denda malu, kepanasan kampung, koimanan, kosoguluanan, dan sogi.

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH ANAK NEGERI (UNDANG-UNDANG ADAT ANAK NEGERI) 1995	INTI PATI BAHAGIAN
Bahagian I	Permulaan kaedah 1.tajuk dan mula berkuatkuasa 2.tafsiran 3.penggunaan istilah tempatan
Bahagian II	Serangan, hentaman dan kelakuan mengancam 4.menyebabkan kecederaan

	5.Ancaman 6.Bangkitkan marah 7.Menanamkan ketakutan
Bahagian III	Kesalahan seksual 8.Perbuatan sumbang kadim 9.Persetubuhan diantara anak-anak saudara 10.Persetubuhan haram diantara orang-orang yang belum berkahwin 11.Persetubuhan haram di ladang atau sawah
Bahagian IV	Perkawinan, pertunangan dan pikatan 12.Perkahwinan di antara sanak saudara 13.Penamatan pertunangan 14.Paksaan untuk berkahwin 15.Persetubuhan haram oleh seorang yang bertunang 16.Persetubuhan haram dengan tunang orang lain 17.Memikat tunang orang lain 18.Memikat isteri orang lain 19.Mengahwini isteri atau suami orang lain 20.Perkahwinan bigami atau poligami 21.Memikat anak dara orang lain 22.Berkahwin sebelum tamat tempoh berkabung 23.Berkahwin sebelum abang atau kakak
Bahagian V	Tanah perkuburan dan kematian 24.Menggali kubur 25.Membakar kubur tanpa sebab-sebab munasabah 26.Membakar kubur dengan sebab tidak sengaja 27.Kerosakan pada kubur 28.Gangguan kepada kubur 29.Pengebumian di tanah perkuburan yang rizab untuk kampung lain 30.Pengebumian mayat tanpa izin 31.Kematian di rumah orang lain 32.kematian di ladang atau sawah
Bahagian VI	perangai buruk melampau, kelucahan dan khianat 33.Serangan lucah 34.Pendedahan lucah 35.Perkataan, bunyi dan isyarat lucah 36.Perkataan atau isyarat memfitnah 37.Menyebarkan khabar angin 38.Perpecahan di upacara 39.Perpecahan di upacara pengebumian atau sembahyang mayat 40.Pencemaran sumber air 41.Pencerobohan 42.Memasuki bilik tidur 43.Kerosakkan kepada harta alih

	44.Kecederaan kepada ternakan atau unggas 45.Melempar benda ke rumah 46.Menyumpah dan mengutuk 47.Pagar 48.Tanggungan terhadap kerosakan oleh binatang 49.Menyebabkan pencerobohan kerana mengganggu binatang 50.Menebang pokok 51.Gangguan kepada empangan atau tambak 52.Gangguan kepada penanda harta
Bahagian VII	Mungkir janji 53.Mungkir janji
Bahagian VIII	Kelahiran dan pantang adat 54.Kelahiran 55.Perbuatan dilarang dalam tempoh mobpoud 56.Larangan adat 57.Masuk rumah selepas pengebumian
Bahagian IX	peruntukan am 58. Kuasa-kuasa sedia ada di mahkamah

Rajah di atas menunjukkan ringkasan bagi Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995

Denda merupakan penalti kewangan yang dikenakan oleh mahkamah selain denda adat. Ia dikenakan untuk pelanggaran, seperti serangan, hentaman, kelakuan mengancam, perkahwinan antara sanak saudara, dan penamatan pertunangan. Denda adat merupakan penalti berdasarkan adat anak negeri atau adat tempatan. Contohnya, sogit berupa unggas dan gong atau barang-barang yang sama nilai bagi kes pengebumian tanpa izin. Denda malu pula merupakan pampasan adat untuk pelanggaran undang-undang adat yang menyebabkan kejatuhan maruah atau kehormatan. Contoh, penamatan pertunangan boleh dikenakan denda malu berupa seekor ternakan. Kepanasan kampung pula denda adat untuk kesalahan yang mencemarkan kesucian dan kehormatan kampung, seperti perzinaan antara saudara terdekat. Contoh, dalam adat Rungus, sumbang tunggal (besar) dikenakan denda 15 ekor khinzir.

Koimanan merupakan pampasan atau ganti rugi untuk kemungkiran janji. Kaedah 53 menyatakan bahawa individu yang memungkiri janji boleh dikenakan pampasan tidak melebihi 20 peratus daripada harga belian yang dipersetujui. Kosoguluanan ialah pampasan adat untuk individu yang berkahwin sebelum abang atau kakaknya. Mereka dikenakan sogit berupa unggas atau barang-barang yang sama nilai yang perlu diberikan kepada abang atau kakak. Sogit, penalti adat yang melibatkan pengorbanan haiwan ternakan untuk menyejukkan atau menghindarkan kuasa ghaib. Haiwan yang biasa digunakan, termasuk khinzir, lembu, kerbau, kambing, dan unggas.

Secara amnya, MAN memberikan hukuman yang paling berat untuk kesalahan seksual, terutamanya sumbang mahram yang melibatkan ahli keluarga, seperti bapa, bapa saudara, abang, adik perempuan, kakak, anak, ibu, ibu saudara, atau cucu perempuan. Bagi kesalahan ini,

hukuman yang boleh dikenakan ialah sogit tiga haiwan, termasuk denda sehingga RM5,000 atau pemenjaraan selama 24 bulan.⁷ Contohnya, dalam kes *Jamil Bin Amit lwn. Rinayam Bte Sibagon*, sumber kes ini adalah daripada Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee, 2010. Laporan Undang-undang Mahkamah Rayuan Anak Negeri Sabah 1989 - 2009. Sabah: Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee. Mahkamah Rayuan Anak Negeri memutuskan bahawa perayu perlu membayar seekor kerbau sogit kepanasan kampung dan denda pemohon seekor kerbau atau RM1,500.

Sebagai rangkuman awal, MAN sememangnya mempunyai identitinya yang unik dan tidak begitu autentik dengan mahkamah syariah mahupun mahkamah sivil. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis kerelevanan MAN Sabah dari perspektif perundangan. Dengan meneliti sejarah, fungsi, dan sumber undang-undang adat, artikel ini mengkaji bagaimana MAN terus memainkan peranan yang penting dalam masyarakat bumiputera Sabah serta keberkesannya dalam menyelesaikan pertikaian berdasarkan undang-undang adat. Analisis ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang sumbangan dan cabaran yang dihadapi oleh MAN Sabah dalam konteks perundangan moden.

ISU-ISU YANG TIMBUL DALAM SISTEM KEHAKIMAN MAHKAMAH ANAK NEGERI SABAH

Mekanisme perasingan bidang kuasa dan percanggahan yang berlaku antara Mahkamah Anak Negeri dengan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah

MAN Sabah merupakan sebuah institusi perundangan yang penting di Negeri Sabah dalam menguruskan hal-hal anak negeri yang berkaitan dengan adat. Pengiktirafan

sistem ini dapat dilihat dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 161A. Berdasarkan seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, MAN Sabah mempunyai bidang kuasa dalam perkara yang berikut:

- (a) Kes-kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat anak negeri yang semua pihaknya adalah anak negeri;
- (b) Kes-kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat anak negeri, dari segi agama, perkahwinan atau seksual, jika izin bertulis Pegawai Daerah yang bertindak atas nasihat dua orang Ketua Anak Negeri telah didapatkan bagi memulakan prosiding, jika satu pihaknya adalah bukan anak negeri;
- (c) Kes-kes melibatkan undang-undang atau adat anak negeri berhubung dengan-
 - (i) Pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan atau pemisahan kehakiman;
 - (ii) Pengambilan anak angkat, penjagaan dan kesahan;
 - (iii) Hadiah atau pewarisan dengan wasiat atau tidak berwasiat; dan
- (d) Kes-kes lain jika bidang kuasa diberikan kepadanya oleh Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Bidang kuasa jenayahnya dikawal selia oleh Akta Mahkamah Anak Negeri (Bidang kuasa Jenayah) 1991. Dalam akta ini, MAN diberi kuasa menghukum dengan denda kepada pesalah jenayah tidak melebihi RM5,000.00 atau pemenjaraan tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya. Seksyen 9 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 pula menyatakan bahawa bahawa MAN tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa kuasa atau perkara dalam bidang kuasa mahkamah sivil atau mahkamah syariah.

Namun, sering kali berlaku percanggahan bidang kuasa apabila MAN turut membicarakan kes di luar bidang kuasanya.

Oleh itu, artikel ini meneliti bagaimanakah mekanisme perasingan bidang kuasa MAN dengan mahkamah sivil dan mahkamah syariah kerana wujudnya perkara asas yang sama. Kes isu pertindihan bidang kuasa juga boleh dilihat dalam kes *Rezuan Masmud lwn Pendakwa Raya* [2015] 1 LNS 449. Dalam kes tersebut, tertuduh telah didakwa di Mahkamah Seksyen Kota Kinabalu atas kesalahan rogol bawah umur di bawah Kanun Keseksaan. Semasa prosiding di Mahkamah Seksyen, satu penyelesaian di luar mahkamah telah berlaku antara tertuduh dengan ahli keluarga kanak-kanak perempuan tersebut dengan denda adat atau sogit sebanyak RM5,000.00 di hadapan ketua kampung.

Seksyen 9 Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 menyekat MAN daripada mengendalikan kes dalam bidang kuasa mahkamah syariah atau sivil. Walau bagaimanapun, MAN kadangkala mengendalikan kes di luar bidang kuasa mereka, seperti kesalahan seksual dan fitnah jenayah.

Dalam kes *In Re James Lee*, High Court Tawau No.6 M/6 of 1962, Mahkamah Tinggi menangani pendakwaan kerana cubaan merogol yang melibatkan Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah dan Ordinan Mahkamah Anak Negeri. Mahkamah memutuskan bahawa certiorari, remedi penyeliaan, boleh digunakan untuk MAN kerana ia ialah ciptaan berkanun, bukan adat. Kanun Tatacara Jenayah tidak memberikan bidang kuasa kepada MAN, dan tiada ordinan yang membenarkan Pihak MAN untuk menguatkuasakan prinsip keadilan dalam Kanun Keseksaan. Jika sesuatu perbuatan melanggar kedua-dua Kanun Keseksaan dan undang-undang anak negeri, ia mesti dihukum di bawah Kanun Keseksaan. Keputusan ini mentakrifkan

had bidang kuasa MAN dan merupakan kes utama di Sabah.

Walaupun begitu, Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995 memberikan kepada kuasa MAN dalam kesalahan seksual tertentu, bertindih dengan Kanun Keseksaan dan juga Enakmen Jenayah Syariah. Contohnya, perbuatan sumbang mahram mempunyai peruntukan dalam ketiga-tiga undang-undang, iaitu Kaedah 8 Perbuatan Sumbang Kadim Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995, seksyen 78 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (perbuatan sumbang), dan juga seksyen 376A Kanun Keseksaan (sumbang mahram). Hal ini jelas menimbulkan kekeliruan dan konflik bidang kuasa.

Seterusnya, kes berkaitan dengan kekeliruan bidang kuasa dapat dilihat dalam kes *Abdul Latiff Avarathar lwn. Lily Muda* [1982] 1 MLJ 72. Dalam kes ini, perayu dan responden telah bercerai di Mahkamah Pegawai Anak Negeri pada tahun 1974. Mahkamah juga memerintahkan agar semua harta yang diperoleh semasa perkahwinan (harta sepencarian) dibahagikan antara pihak dalam perkadaran satu pertiga kepada responden dan dua pertiga kepada perayu. Perayu tidak meneruskan rayuan terhadap keputusan itu MAN, tetapi sebaliknya membawa tindakan di Mahkamah Tinggi. Hakim memerintahkan bahawa prosiding ditangguhkan sementara menunggu keputusan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Pegawai Anak Negeri. Perayu merayu ke Mahkamah Persekutuan. Isu yang timbul adalah sama ada hakim Mahkamah Tinggi telah menggunakan budi bicaranya dengan betul. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa oleh sebab perkara itu belum diselesaikan oleh MAN, Hakim Mahkamah Tinggi telah menggunakan budi bicaranya dengan betul. Oleh itu, Mahkamah Persekutuan tidak mempunyai sebab untuk mengganggu

pelaksanaan budi bicara untuk mengekalkan prosiding. Berdasarkan kes di atas, selain isu bidang kuasa, hal ini menunjukkan bahawa masalah yang agak serius ialah isu pemilihan mahkamah untuk memulakan kes. Seorang anak negeri boleh memilih untuk membawa kes ke mahkamah sivil atau MAN berdasarkan pilihannya.

Contoh percanggahan antara MAN dengan syariah dapat dilihat juga dalam kes di Mahkamah Anak Negeri Penampang, No. Kes 275/2011. D1 dan D2 yang beragama Islam telah dikenakan hukuman sogit akibat perbuatan defendan-defendan yang melakukan persetubuhan haram sehingga menyebabkan kehamilan dan perbuatan D1 mengambil D2 daripada jagaan P. Hal ini menunjukkan bahawa berlaku pertindihan kerana sebenarnya, peruntukan persetubuhan haram dengan orang belum berkahwin juga terdapat dalam seksyen 80 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995.

Isu yang turut menjadi persoalan adalah sama ada MAN merupakan mahkamah bawahan (subordinate) kepada Mahkamah Tinggi. Dalam *Ongkong Anak Salleh lwn David Panggau & Anor [1983] 1 MLJ 419*, mahkamah menyatakan bahawa istilah “mahkamah bawahan” ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk memasukkan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di Sarawak dan Sabah. Mahkamah memutuskan bahawa MAN bukan mahkamah bawahan kepada Mahkamah Tinggi kerana Mahkamah Tinggi tidak mengawasi mereka.

Bagaimanapun, dalam kes *Haji Laugan Tarki bin Mohd Noor lwn Mahkamah Anak Negeri Penampang [1988] 2 MLJ 85*, Mahkamah Agung memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa penyeliaan terhadap semua tribunal bawahan, termasuk MAN, melalui writ prerogatif. Keadaan ini berubah dengan penggubalan

Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 yang menggantikan Ordinan Mahkamah Anak Negeri.

Dalam kes yang berikutnya pula, iaitu kes *Lynawati binti Abdullah lwn Abang Sukori bin Abang Haji Gobil & Ors [2013] MLJU 296*, mahkamah berpendapat bahawa duluan kehakiman yang ditetapkan dalam *Haji Laugan* sudah lapuk dan tidak lagi terpakai. Undang-undang baharu, iaitu Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 mentakrifkan dengan jelas bidang kuasa dan penalti bagi pelanggaran undang-undang adat. Perlembagaan Mahkamah Rayuan Anak Negeri di bawah Enakmen Sabah meletakkannya setanding dengan Mahkamah Tinggi, dengan seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau yang setaraf mengetuai bersama dua Ketua Daerah atau Ketua Anak Negeri, menjadikan mahkamah rayuan ini tidak lebih bawah atau rendah dan di luar bidang pengawasan. daripada Mahkamah Tinggi. Mahkamah membenarkan pengawasan Mahkamah Tinggi ke atas rayuan ini akan menafikan tujuan mempunyai Mahkamah Rayuan Anak Negeri.

Berdasarkan kes-kes di atas timbul persoalan sama ada berlaku “double jeopardy” atau pendakwaan berulang sekiranya satu-satu kes yang dibawa ke Mahkamah Anak Negeri juga dibawa ke mahkamah sivil atau mahkamah syariah. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji *Artikel Undang-Undang Perlanggaran Adat di Mahkamah Anak negeri dan Konflik Pemakaiannya Terhadap Orang Islam Dalam Kerangka Perundangan Plural di Sabah*, Pegawai Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah menyatakan bahawa pelanggaran adat di MAN bukanlah kesalahan jenayah. Inilah sebabnya ia disebut sebagai “breach” of adat (pelanggaran adat) dan bukan kesalahan (offence). Jika disebut kesalahan, ia akan bertindih dengan Kanun Keseksaan. Hal ini kerana matlamat MAN bukanlah untuk menghukum, tetapi untuk

mendamaikan dan mencari penyelesaian atas kerosakan yang berlaku. Jadi, tidak timbul isu hukuman berganda jika seorang Islam didakwa di mahkamah syariah, MAN, dan mahkamah sivil atas kesalahan yang sama. Hal ini mungkin bertepatan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Shad Faruqi (2008), iaitu terdapat beberapa pengecualian yang membolehkan perbuatan perbicaraan berulang ini tidak dianggap sebagai pelanggaran Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan. Pengecualian tersebut berkaitan dengan isu-isu teknikal, antara lain, kerana pendakwaan berulang tersebut disebabkan oleh kesalahan yang berbeza. Dalam kes *Jamali Adnan Iwn PP* [1986]1 MLJ 163, kesalahan yang berbeza merujuk kesalahan yang mempunyai komponen yang tidak sama. Dengan mengambil kira artikel ini, serta prinsip pendakwaan berulang di Malaysia, pendakwaan pelbagai bukan pendakwaan berulang. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa peruntukan tersebut telah ditetapkan dalam pelbagai premis undang-undang dan pelanggaran adat di MAN bukanlah kes jenayah.

Namun, pengarang berpendapat bahawa MAN tidak mempunyai bidang kuasa bagi perkara atau kuasa yang jatuh di bawah bidang kuasa mahkamah syariah atau mahkamah sivil. MAN bukanlah mahkamah bawahan kepada mahkamah tinggi dalam sistem mahkamah sivil di Malaysia melainkan ia merupakan sebuah institusi yang berasingan. Jika individu ialah seorang Muslim, mereka sepatutnya tertakluk pada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam apabila melibatkan isu yang berada dalam skop bidang kuasa mahkamah syariah. Sebaliknya, bagi orang bukan Islam, mereka mempunyai pilihan sama ada memilih untuk menggunakan saluran undang-undang sivil atau undang-undang adat.⁸ Negeri diberi kuasa untuk menubuhkan mahkamah syariah dan MAN serta membuat undang-undang khusus. Walau bagaimanapun, undang-undang yang diluluskan melalui Badan

Perundangan Negeri seharusnya tidak boleh bercanggah dengan perkara-perkara yang telah pun disenaraikan dalam Senarai Negeri mahupun Senarai Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun, realitinya pada hari ini, masih wujud percanggahan dan kes-kes luar bidang kuasa MAN yang masih dibicarakan di MAN. Oleh itu, pengasingan bidang kuasa ini perlu diperhalus supaya tidak berlaku kekeliruan dan percanggahan.

KELAYAKAN AHLI-AHLI STRUKTUR INSTITUSI KEHAKIMAN MAHKAMAH ANAK NEGERI

Selain itu, pelantikan ahli-ahli yang terlibat dalam institusi kehakiman MAN juga dibuat melalui Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah. Isu yang berlaku ialah terdapat sebilangan Ketua Anak Negeri yang dilantik tidak memahami bidang kuasa dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin peribumi. Mereka hanya bergantung sepenuhnya pada kerani mahkamah dan hanya tahu menurunkan tandatangan. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini belum ada satu mekanisme atau kaedah menentukan kelayakan dari segi latar pendidikan dan kriteria secara jelas untuk menentukan bagaimana kelayakan dan latar belakang pendidikan ketua-ketua anak negeri, ketua-ketua daerah, atau ketua-ketua kampung dipilih untuk menerajui sebuah institusi kehakiman anak negeri. Kekurangan ini akhirnya menimbulkan kritikan dan persoalan masyarakat tentang kerelevanan dan integriti MAN dalam menjalankan tatacara mahkamah. Hal ini turut diperkatakan oleh Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail. Beliau menyatakan bahawa mahkamah adat di kedua-dua negeri sudah diterima sebagai sebahagian daripada institusi undang-undang, namun kewujudannya kurang teratur dan sistematik berikutan sistem sedia ada yang belum mantap.⁹ Bekas Ketua Hakim Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum (2017) pula menyatakan

bahawa mahkamah adat khususnya di Sabah kini masih dalam kawalan eksekutif dan ditadbir di bawah Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (MHEAINS) berbanding dengan struktur sebenar mahkamah yang sepatutnya bebas.¹⁰

Berkenaan dengan pelantikan Penghulu dan Ketua Anak Negeri, seksyen 2 Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 mentakrifkan peranan ini sebagaimana yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. Bagaimanapun, pelantikan sering dipengaruhi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri tanpa pemeriksaan yang sewajarnya pada kelayakan, mempersoalkan kesahihan pegawai-pegawai ini. Peter R. Phelan (2003) menekankan perlunya jawatan-jawatan ini bebas daripada pengaruh politik untuk mengekalkan neutraliti dan keberkesanan.¹¹ Jannie Lasimbang mencadangkan agar hakim dilantik berdasarkan pengetahuan mereka tentang adat tempatan untuk menegakkan sistem MAN dan melindungi hak orang asli, menyokong pelantikan berdasarkan merit dan bukannya didorong oleh politik.¹²

Bidang kuasa MAN di Sabah dan Sarawak telah berkembang melalui keputusan undang-undang yang penting. Pada mulanya, MAN tidak dianggap bawahan kepada Mahkamah Tinggi, seperti dalam kes *Ongkong Anak Salleh*. Bagaimanapun, kes *Haji Laugan* kemudiannya menetapkan bahawa Mahkamah Tinggi boleh melaksanakan kuasa penyeliaan terhadap MAN. Hal ini berbeza dengan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 yang menjelaskan bidang kuasa dan penalti bagi pelanggaran undang-undang adat, meletakkan Mahkamah Rayuan Anak Negeri setanding dengan Mahkamah Tinggi.

Pelantikan Ketua dan Ketua Anak Negeri yang ditetapkan oleh Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 sering dipengaruhi oleh politik dan tidak mempunyai penilaian yang mencukupi

tentang kelayakan mereka, yang mengancam integriti sistem mahkamah anak negeri.¹³ Pakar mencadangkan bahawa jawatan ini harus berdasarkan merit dan memberikan tumpuan kepada pengetahuan tentang adat tempatan untuk memastikan kehakiman berkecuali dan berkesan.

Seksyen 2 dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 mendefinisikan “Ketua Kampung” dan “Ketua Anak Negeri” sebagai individu yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan sebelum ini, pelantikan pegawai-pegawai MAN sering kali dipengaruhi oleh cadangan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, dan tiada mekanisme formal untuk mengesahkan kelayakan atau menilai kompetensi calon-calon tersebut. Hal ini menimbulkan keraguan tentang kesahihan pelantikan tersebut.

Oleh itu, perkara ini masih samar dan belum ada mekanisme yang terperinci dalam mengenal pasti bagaimana pelantikan dan kelayakan akademik ahli-ahli yang terlibat dalam struktur MAN. Sebagaimana tidak adanya syarat akademik ataupun kriteria yang jelas tentang pelantikan individu-individu dalam MAN, begitulah juga ketiadaan piawai atau garis panduan yang khusus bagi pentadbiran MAN Sabah. Setiap MAN mempunyai kaedah pengurusan fail dan tanggungjawab harian yang berbeza. Walau bagaimanapun, terdapat persamaan antara mahkamah ini dalam urusan harian. Dua jenis tadbir urus yang utama ialah tadbir urus pada peringkat kampung dan tadbir urus di premis MAN, merangkumi ciri tadbir urus ini.¹⁴

SEJAUH MANAKAH KERELEVANAN MAHKAMAH ANAK NEGERI SABAH?

MAN di Sabah ialah sebuah institusi perundangan yang unik dan penting dalam

mengekalkan serta memelihara adat istiadat masyarakat bumiputera. Walaupun wujud sejak zaman penjajahan British, peranan MAN tidak terhakis oleh masa. Sebaliknya, institusi ini terus berkembang dan relevan dalam konteks moden. Kerelevanan MAN pada masa ini dapat dilihat dari pelbagai sudut, termasuk perlindungan adat, pengiktirafan undang-undang adat, penyelesaian konflik, dan cabaran kontemporari.¹⁵

Peranan utama MAN adalah untuk melindungi dan menguatkuasakan adat istiadat bumiputera Sabah. Dalam era globalisasi dan modenisasi yang pesat, adat dan budaya tradisional sering kali terancam. MAN bertindak sebagai benteng pertahanan bagi memastikan adat istiadat ini tidak lenyap. Dengan memberikan pengiktirafan rasmi kepada undang-undang adat, MAN membantu dalam mengekalkan warisan budaya yang kaya dan unik. Mahkamah ini juga menyediakan platform untuk menyelesaikan konflik berdasarkan adat yang biasanya lebih diterima oleh komuniti setempat berbanding dengan penyelesaian yang ditawarkan oleh sistem perundangan sivil atau syariah. Hal ini bukan sahaja menyelesaikan konflik dengan cara yang lebih harmoni, tetapi juga memastikan keputusan yang diambil adalah selari dengan norma-norma budaya setempat.¹⁶

MAN memainkan peranan yang penting dalam memberikan keadilan dan pengiktirafan kepada komuniti bumiputera. Pengiktirafan undang-undang adat oleh MAN memperkukuh hak dan kedudukan undang-undang komuniti ini. Hal ini penting dalam memastikan bahawa keadilan tidak hanya berdasarkan norma-norma yang mungkin tidak relevan atau sesuai dengan adat tempatan.¹⁷ Di samping itu, kewujudan MAN memastikan komuniti bumiputera berasa inklusif dalam sistem perundangan negara, iaitu undang-undang adat mereka diberi tempat yang sewajarnya. Keadaan ini membantu dalam membina masyarakat yang lebih adil dan saksama,

iaitu di mana semua segmen masyarakat dihargai dan dilindungi.

Walaupun MAN mempunyai peranan yang penting, ia juga berhadapan dengan beberapa cabaran kontemporari. Salah satu cabaran utama ialah pertindihan bidang kuasa antara MAN dengan mahkamah sivil dan syariah. Pertindihan ini boleh menimbulkan kekeliruan dan ketidakpastian dalam proses perundangan. Oleh itu, perlu ada mekanisme yang jelas dan berkesan untuk menangani isu-isu pertindihan ini. Selain itu, kriteria pelantikan Ketua Anak Negeri dan Ketua Daerah sering kali dipersoalkan, terutamanya apabila pelantikan dibuat berdasarkan cadangan politik tanpa pemeriksaan kelayakan yang sewajarnya. Hal ini boleh menjejaskan integriti dan keberkesanan MAN. Hal ini selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Sabah yang berhasrat untuk menubuhkan Jabatan Kehakiman Mahkamah Anak Negeri. Menurut Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji, penubuhan tersebut merupakan suatu langkah evolusi bagi memartabatkan undang-undang adat anak negeri sekali gus memberikan suatu imej yang berprestij dan berkaliber kepada ketua-ketua adat di MAN dan institusi tersebut pada keseluruhannya.¹⁸

Bagi memastikan kerelevanan MAN dalam konteks moden, beberapa langkah peningkatan dan pembaharuan perlu diambil. Pertama, pendidikan dan latihan pegawai-pegawai di MAN perlu ditingkatkan. Latihan berkala dan pendidikan berterusan penting untuk memastikan pegawai-pegawai mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang adat dan undang-undang bumiputera. Hal ini dapat dilihat melalui penganjuran Kursus Transformasi Kepimpinan Ketua-Ketua Adat Cemerlang anjuran Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri Sabah (ILMAN) yang bertujuan untuk mendedahkan kepada Ketua-ketua adat untuk melakukan penambahbaikan perkhidmatan untuk menjalankan tugas dengan cekap, berintegriti dan berpengetahuan seiring

dengan matlamat MAN untuk memartabatkan adat warisan, memelihara hak-hak anak negeri dalam memastikan Undang-undang Adat Anak Negeri sentiasa dipatuhi dan dihormati.¹⁹

Kedua, undang-undang yang mengawal selia MAN perlu sentiasa dikaji dan dikemas kini untuk memastikan ia relevan dengan perkembangan semasa dan selaras dengan prinsip keadilan sejagat. Hal ini dapat dilihat dalam usaha Kerajaan Negeri Sabah dengan penubuhan jawatankuasa khas melalui Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (MHEANS) bagi penggubalan, pindaan dan penyemakan enakmen dan ordinan yang berkaitan berkaitan dengan MAN.²⁰

Dalam masyarakat moden, MAN perlu mengambil pendekatan yang lebih inovatif dalam menjalankan fungsinya. Hal ini termasuk meningkatkan kesedaran awam tentang peranan dan fungsi MAN melalui program-program pendidikan dan penerangan. Dengan cara ini, masyarakat akan lebih memahami hak dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang adat. Selain itu, penggunaan teknologi dan pendekatan pengantaraan (mediation) yang berasaskan adat boleh diambil untuk menyelesaikan pertikaian dengan lebih berkesan.

Secara keseluruhan, MAN Sabah sememangnya boleh kekal dalam konteks moden pada hari ini dengan syarat ia mampu menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran baharu dan mengekalkan integriti serta keberkesanannya dalam melindungi dan menegakkan adat dan undang-undang bumiputera. Namun begitu, MAN mesti kekal dalam sistem pengadilan peribumi. bukan sahaja kerana faktor keturunan, tetapi juga kerana keperluannya untuk menyelesaikan isu adat istiadat. MAN akan kekal wujud selagi masyarakat peribumi mengekalkan adat resam mereka yang diwarisi supaya Sabah dan Sarawak tidak mengalami nasib yang sama, seperti kaum peribumi di Australia, New Zealand dan

Amerika Syarikat. Di negara-negara tersebut, sistem perundangan sivil telah menggantikan sistem keadilan kaum peribumi. Akibatnya, kaum peribumi tidak lagi mempunyai keadilan dan menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap penghakisan undang-undang adat (Sharija Che Shaari dan Ida Shafinaz Mohd). Menurut Kamil (1999:54). Oleh itu, peranan badan yang mengelola dan mengurus tadbir MAN perlulah mewujudkan pembaharuan yang berterusan dan pemahaman yang mendalam tentang peranan MAN dalam struktur perundangan negara adalah kunci untuk memastikan ia terus relevan dan berfungsi dengan baik dalam masyarakat masa ini.

KESIMPULAN

MAN Sabah berperanan penting dalam mengurus hal ehwal anak negeri yang berkaitan dengan adat di Sabah. MAN diwujudkan untuk mengekalkan adat istiadat dan budaya masyarakat peribumi di negeri ini. Walaupun begitu, MAN masih berdepan dengan beberapa cabaran dan isu yang perlu ditangani. Isu-isu yang berlaku dan telah dirangkumkan di atas, iaitu pertindanan bidang kuasa dengan mahkamah sivil dan mahkamah syariah, kekurangan peruntukan undang-undang yang jelas dan lengkap untuk mengawal selia MAN, proses pelantikan ahli yang tidak jelas, serta kekurangan pengawasan yang mencukupi daripada pihak berkuasa yang lebih tinggi. Masih banyak yang perlu dilakukan untuk memperkasakan institusi MAN di Sabah. Dalam bidang kuasa jenayahnya, MAN telah diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman di bawah Akta Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991. Seksyen 10 Enakmen Mahkamah Anak Negeri (EMAN) 1992 juga memperuntukkan kuasa kepada MAN untuk menjatuhkan hukuman dalam bentuk denda, pemenjaraan, atau kedua-duanya

kepada pesalah yang melanggar adat anak negeri.

Walau bagaimanapun, tiada undang-undang bertulis yang menggariskan cara MAN menangani kes jenayah seperti yang dilakukan oleh mahkamah sivil atau mahkamah syariah. Sebagai contoh, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 Mahkamah Syariah mengambil pendekatan daripada Kod Acara Jenayah Mahkamah Sivil. Dalam situasi sekarang, tidak jelas bagaimana tatacara menerima aduan, menyiasat, mendakwa, membicara, mensabit, menghukum, dan lain-lain yang berkaitan dilaksanakan di MAN. Maka, isu-isu ini sebenarnya telah pun dikenal pasti berdasarkan usaha-usaha yang dijalankan, namun begitu, pelaksanaannya perlulah konsisten bagi memastikan MAN ini menjadi institusi kehakiman yang samar dan hanya menekankan nilai adat tanpa implementasi keadilan dan kredibiliti yang jelas. Skop bidang kuasa Mahkamah ini perlu diperluas. Hal ini bukanlah suatu yang mustahil dan tidak boleh dilaksanakan kerana banyak perkara dalam kehidupan seharian masyarakat Sabah masih berkaitan dengan adat kerana adat masih dipegang teguh dan diwarisi sejak dahulu. Meskipun berdepan dengan beberapa cabaran dan isu, MAN dapat dikatakan masih kekal sebagai institusi yang penting dalam memelihara adat dan budaya anak negeri di Sabah. Dengan usaha yang berterusan untuk menangani cabaran-cabaran ini, MAN boleh menjadi institusi yang lebih kukuh dan dihormati dalam sistem perundangan di Sabah. Cadangan penambahbaikan untuk MAN, termasuk memperjelas peruntukan undang-undang yang mengawalinya, mewujudkan mekanisme yang lebih ketat untuk pelantikan ahlinya, meningkatkan pengawasan daripada pihak berkuasa yang lebih tinggi, dan memperkasakan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (MHEANS) dalam peranannya untuk mentadbir dan mengawal selia MAN. Dengan menangani cabaran-cabaran ini dan melaksanakan

cadangan penambahbaikan, MAN boleh terus memainkan peranan yang penting dalam memelihara adat dan budaya anak negeri di Sabah, dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negeri Sabah.²¹

Sebagai rangkuman akhir, pengarang sememangnya bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Sabah untuk menubuhkan sebuah Jabatan Kehakiman Mahkamah Anak Negeri Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana penubuhan ini merupakan suatu langkah transformasi untuk memartabatkan undang-undang adat anak negeri, sekali gus memberikan imej yang berprestij dan berkaliber kepada ketua-ketua adat di mahkamah tersebut. Pemerkasaan MAN ini juga sangat penting, dan sebuah jawatankuasa khas melalui MHEANS telah ditubuhkan untuk menggubal, meminda, dan menyemak enakmen serta ordinan yang berkaitan. Melalui penubuhan jabatan tersebut, sudah pasti MAN akan menjadi institusi yang lebih teratur dan berkesan.

NOTA HUJUNG

¹Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri) 1952

²Perlembagaan Negeri Sabah

³Perlembagaan Persekutuan Malaysia

⁴Azlizan Mat Enh dan Salbiya Jamaluddin. (2020). Pentadbiran British di Sabah: Kesejahteraan anak negeri melalui penubuhan Mahkamah Anak Negeri 1884-1965 (British administration in Sabah: Well-Being of Anak Negeri through the establishment of The Native Court 1884- 1965). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1). Hlm. 2.

⁵Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992

⁶Rafidah@ Malissa Salleh & James Matah, Lenny & Ku Yusof, Ku Mohd Amir Aizat. (2019). *Sistem Kehakiman Anak Negeri Sabah Dalam Konteks Pelaksanaan Hukuman Dan Denda Adat*. Borneo Akademika. Hlm. 5.

⁷Hukuman Paling Besar Bagi Kesalahan Jenayah Seksual. *Berita Harian*. 2014

⁸Jasri @ Nasip B. Matjakir, Qadi: Perlantikan, Bidangkuasa dan Permasalahan, Satu Kajian di Sabah, Kertas Projek Diploma Pentadbiran Undang-Undang dan Kahakiman Islam (DAIJ), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya, 1993, hlm. 47.

⁹Mohd Izham Unnip Abdullah. Perkukuh sistem mahkamah adat Sabah, Sarawak. Berita Harian. 2017. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2647/2017/05/287632/perkukuh-sistem-mahkamah-adat-sabah-sarawak> [23/5/24]

¹⁰Suzianah Jiffar. MAN perlu dikendali individu yang layak. Berita Harian. 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/04/547750/man-perlu-dikendali-individu-yang-layak> [23/5/2024]

¹¹Peter R. Phelan, 2003. The Traditional Legal System of Sabah, hlm. 7.

¹²Malaysia: Native Court judges must be well-versed in customs, traditions <http://www.asiapacificforum.net/news/malaysia-native-court-judges-must-be-well-versed-in-customstraditions.html> [23/5/2024]

¹³Rafidah@Malissa Salleh, Lenny James Matah, Ku Mohd Amir Aizat Ku Yusof. (2019). Sistem kehakiman anak negeri Sabah dalam konteks pelaksanaan hukuman dan denda adat. Borneo Akademika (Volume 3, No. 1, Jan/Dec 2019/2020, Pages 10 to 19)

¹⁴Hussin, R., Johnes, J., Mapjabil, J., Stephen, J., & F. Michael, J. F. @ J. (2021). Struktural Ekosistem dan Tadbir Urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(8), 281 - 292. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.979>. Hlm. 10.

¹⁵Rafidah@Malissa Binti Salleh, Lenny James Matah dan Ku Mohd Amir Aizat Ku Yusof. 2019. Sistem Kehakiman Anak Negeri Sabah dalam Konteks Pelaksanaan Hukuman dan Denda Adat. Borneo Akademika Volume 3 (1).

¹⁶Hussin, R., Johnes, J., Mapjabil, J., Stephen, J., & F. Michael, J. F. @ J. (2021). Struktural Ekosistem dan Tadbir Urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(8), 281 - 292. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.979> Hlm. 11.

¹⁶⁷Tarsat, Mosli. (2009). "Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah" in SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan, Vol.2, No.2 [November], pp.227-252. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, UNIPA Surabaya, and UMS Kota Kinabalu, Malaysia, ISSN 1979-0112. Hlm. 24.

¹⁸Laman Web Rasmi Ketua Menteri Sabah <https://cm.sabah.gov.my/siaran-media/1621>

¹⁹UtusanOnline <https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/15/ketua-adat-perkasa-peranan-fungsi-man>

²⁰Laman Web Rasmi Ketua Menteri Sabah <https://cm.sabah.gov.my/siaran-media/1621>

²¹Ahadin Arinen. 2013. Peranan Mahkamah Anak Negeri Antara Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Hlm 5.

RUJUKAN

Abdul Latiff Avarathar v. Lily Muda [1982] 1 MLJ 72.

Ahadin Arinen. (2013). Peranan Mahkamah Anak Negeri Antara Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004. Persidangan Ketua-Ketua Adat Anak Negeri Negeri Sabah. Hotel Four Points. 4-5 Februari.

Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Azlizan Mat Enh & Salbiya Jamaluddin. (2020). Pentadbiran British di Sabah: Kesejahteraan anak negeri melalui penubuhan Mahkamah Anak Negeri 1884-1965 (British administration in Sabah: Well-Being of Anak Negeri through the establishment of The Native Court 1884- 1965). Geografia-Malaysian *Journal of Society and Space*, 16(1).

Budi Anto & Saidatul Nornis. (2020). Hubungan Kaum di Sabah: Suatu Pemerhatian Awal. Malaysian *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 95-104.

Budi Anto Mohd Tamring. (2008). Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes terhadap pelajar Bumiputera Bajau dan Kadazan di Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana.

Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikorot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. MANU, 27, 93-120.

- Che Shaari, Sharija & Ida Shafinaz Mohd. Kamil. (1999). "Mahkamah Anak Negeri di Sabah: Dulu, Kini dan Masa Depan" dalam *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Bil. 2*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah
- Chen. (2009). *Harmony in Lopez The encyclopedia of positive psychology*. London: *Blackwell Publishing*. pp.464-467.
- Chua B. S., Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. (2016). Persepsi Kumpulan Multietnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain. *Jurnal MANU*, 24, 111-145
- Datuk Syed Kechik Syed Mohd v. Govt. of Malaysia & Anor [1979] 2 MLJ 101
- Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004.
- Ferrar, J. W. (1976). The dimensions of tolerance. *Pacific Sociological Review*, 19(1), 63-81. Herman J. Luping (2009). "Indigenous Ethnic Communities of Sabah, The Kadazan Dusun". Kuala Lumpur: Kementerian Maklumat, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia.
- Haji Laungan Tarki bin Mohd Noor v. Mahkamah Anak Negeri Penampang [1988] 2 MLJ 85
- Haji Mohd Nasaruddin bin Abdullah Case No. 173/75, Kota Kinabalu Native Court
- Hussin, R., Johnes, J., Mapjabil, J., Stephen, J., & F. Michael, J. F. @ J. (2021). Struktural Ekosistem dan Tadbir Urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 281 - 292. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.979>
- Istiadat masyarakat. Diakses dari <https://www.coursehero.com/u/file/p4jjlcc/perlanggaran-adatpantang-larang-perkahwinan-tuntutan-waris-perselisihan-faham/> pada 04 Mac 2021.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2022). *Adat Resam dan Budaya Kaum Kadazandusun: Adat Sogit*. Diakses dari <https://pemtaanbudaya.my/culture/dis/419> pada 28 Januari 2022. Kntayya Mariappan (2007). *Tahap Toleransi Etnik Di Sabah: Analisis Awal dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. Laporan Penyelidikan IRPA*. Tidak Diterbitkan
- Jamil Bin Amit lwn. Rinayam Bte Sibagon, sumber kes ini adalah daripada Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee (2010). *Laporan Undang-undang Mahkamah Rayuan Anak Negeri Sabah 1989 - 2009*. Sabah: Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee.
- Jasri @ Nasip Matjakir, Qadi: *Perlantikan, Bidangkuasa dan Permasalahan, Satu Kajian di Sabah, Kertas Projek Diploma Pentadbiran Undang-Undang dan Kahakiman Islam (DAIJ)*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya, 1993, hal. 47.
- Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat AnakNegeri) 1995.
- Liew Siew Yin v. District Officer, Jesselton Native Court of Appeal No. 2 of 1959

- Low Kok on (2005). Membaca Mitos dan Lagenda Kadazandusun. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lynawati Abdullah v. Abang Sukori Abang Haji Gobil & Ors [2013] MLJU 296
- Masbaka Haji Hassan & Ors v. The Government of Malaysia & Ors [2010] MLJU 1632
- Mosli Tarsat. (2009). Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.2, No.2 [November], pp.227-252.
- Muhammad Takari Jilin Syahrial & Fadlin Muhammad Dja'far. (2019). Memahami Adat dan Budaya Melayu. Program Studi Etnomusikologi FIB USU dan Majelis Adat Budaya Melayu Indonesia, Medan, Indonesia. NBCA 806. Village Administration Ordinance 5, (1913). Ordinan Mahkamah Anak Negeri (1953). Pertubuhan Harta Intelek Dunia. (2016). Definisi adat. Diakses dari https://www.wipo.int/export/sites/www/tk/en/resources/pdf/overview_customary_law.pdf pada 05 Mei 2024.
- Nevashiny & Rosazman. (2021). Perkahwinan komuniti sino-kadazan di Kota Kinabalu, Sabah: memahami cabaran identiti, pelbagai adat dan hubungan harmoni dalam keluarga: sino-kadazan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7(1), 86-100.
- Ong Seng Kee v. District Officer, Inanam Native Court of Appeal No. 28 of 1959
- Ongkong Anak Salleh v. David Panggau & Anor [1983] 1 MLJ 419
- Perlembagaan Persekutuan
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdul Rahman. (2020). Undang-Undang Perlanggaran Adat Di Mahkamah Anak Negeri: Konflik Pemakaiannya Terhadap Orang Islam Dalam Kerangka Perundangan Plural di Sabah. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding (E-JITU)*, UiTM Melaka, Volume 1 pp. 73-87.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdul Rahman. (2018). Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah yang Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (JIMK) Unisza*. Bil 19 pp 1-17.
- Rafidah@Malissa Salleh, Lenny James Matah & Ku Mohd Amir Aizat Ku Yusof. (2019). Sistem Kehakiman Anak Negeri Sabah dalam Konteks Pelaksanaan Hukuman dan Denda Adat. *Borneo Akademika* Volume 3 (1).
- Ramzah Dambul, Marja Azlima Omar, Sabihah Osman (Eds) (2010) Sabah Priority Issues, Setting the Course for Change, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah
- Ranjit, S. (2003). *The making of sabah, 1865-1941: the dynamics of indigenous society* (2d ed.). University of Malaya Press.
- Re James Lee, High Court at Tawau, No. M/6 of 1962
- Rosazman Hussin, Johan Johnes & Jeannet Stephen. (2022). Pengaruh hak dan Undang-Undang Adat terhadap

- toleransi dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 19 (6). pp. 103-112.
- Rosazman Hussin, Johan Johnes, Jabil Mapjabil, Jeannet Stephen & Jurry Foo. (2021). Struktural Ekosistem dan Tadbir Urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(8) 281 - 292.
- Ruben Sario. Revamp Native Courts for its relevancy say Malanjum. *The Star*. <http://www.thestar.com.my/News/Community/2013/09/06/Revamp-Native-Courts-for-relevancy-says-Malanjun/> [26 Mei 2024]
- Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain & Adnan Yusoff. (2013). Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Makalah*. 25 kanun (1).
- Sarabatin, Mohd Azrone (9 Februari 2019). "Isu anak negeri jangan sampai gugat perpaduan". *Berita Harian*. Diarkib daripada yang asal pada 23 Mac 2020. Dicapai pada 23 Mac 2020.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan, *Native Courts and the Construction of Modern Legal Thinking in Sabah: A case Study dalam Native Court and customary law of Sabah (with cases and decisions)*, Jabatan Cetak Kerajaan, Sabah, 1993, hal. 156.
- Utusan Borneo. (21 Mac 2017). Penggerak wawasan pemangkin pembangunan, menjunjung adat
- Wan Arfah Hamzah. (2012). *A First Look At The Malaysian Legal System*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., hlm. 203-258.
- Whelan, F. G. (1970). *A History of Sabah*. Kuala Lumpur: Macmillan and Co (S) Pte. Ltd.
- Yusri Pungut (1998) *Undang-undang Adat dan Perkembangan Bidangkuasa Mahkamah Anak Negeri Sabah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noraisya Rena
Faculty of Law,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
E-mel: a187027@siswa.ukm.edu.my
- Nur Khalidah Dahlan
Faculty of Law,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
E-mel: nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my